

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI  
[ CHERAS ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah positif dan berkesan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyekat politik perkauman dan ekstremis agama di negara ini dan mengapakah Akta Hasutan masih dikuatkuasakan lagi dan berapakah ramai rakyat yang telah didakwa dibawah akta ini dari tahun 2013 hingga 30 Mei 2014.

**JAWAPAN:      PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 11 Julai 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan hasrat Kerajaan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [ atau *Akta 15* ] dan menggantikannya dengan suatu Akta baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional.
2. Objektif Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional, termasuklah penghinaan terhadap institusi diraja atau raja.
3. Bagi tujuan ini, Kerajaan kini sedang mendapatkan dan mengumpul pandangan serta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional tersebut.
4. Sehubungan dengan itu, tarikh sebenar pemansuhan Akta Hasutan 1948 masih belum dapat diputuskan pada masa ini memandangkan perkara tersebut masih sedang dalam kajian dan memerlukan penelitian daripada pelbagai aspek. Penelitian dan kajian

yang menyeluruh adalah penting bagi memastikan suatu undang-undang itu komprehensif dan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

5. Seramai empat orang individu telah didakwa di bawah Akta Hasutan 1948 dari tahun 2013 hingga 30 Mei 2014

6. Berkaitan dengan penyatuan nasional (*national reconciliation*), Kerajaan sedang berusaha mengenal pasti isu sebenar yang berlaku sebelum sesuatu usaha komprehensif dan tindakan penyelesaian dicadangkan. Ada pelbagai pendapat diperolehi di mana sebahagiannya menyatakan penyatuan nasional diperlukan atas sebab-sebab politik, sebahagian lagi menyatakan isu agama, manakala sebahagian yang lain berpendapat ia ada kaitan dengan ekonomi dan integrasi nasional.

7. Dalam usaha mengemukakan cadangan penyelesaian terbaik, Kerajaan melalui Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) atau *National Unity Consultative Council* (NUCC) telah mengadakan 18 siri dialog dengan masyarakat akar umbi yang bertemakan "Suara Akar Umbi" (*Voice of The Grassroots*) dalam bulan Februari dan Mac yang lalu. Tujuannya adalah untuk mendapat pandangan, idea dan cadangan masyarakat tentang usaha-usaha penyatuan nasional. Selain dari itu, sebanyak tujuh (7) Perjumpaan Muhibah telah diadakan dengan beberapa badan bukan Kerajaan (NGOs), dan lima (5) perbincangan meja bulat yang mempunyai matlamat dan tujuan yang sama. Input-input yang diperolehi ini akan dianalisa oleh NUCC dan akan dijadikan asas untuk menggubal Pelan Tindakan Penyatuan

dan Perpaduan Negara yang akan dicadangkan kepada Kerajaan kelak.

8. Usaha-usaha penyatuan nasional ini merupakan usaha jangka panjang Kerajaan dan semua pihak perlu menyokong usaha murni ini ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang hidup bersatu padu dan harmoni.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]**

**TARIKH : 10 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6834**

**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan tegas Kerajaan terhadap peserta perhimpunan haram yang membantah GST dan adakah Kerajaan bercadang untuk memperketatkan lagi peruntukan undang-undang dalam Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012 bagi mengelak kejadian keganasan, kekecohan dan pelanggaran undang-undang.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kebebasan bersuara rakyat Malaysia untuk meluahkan rasa tidak puas hati atas apa jua perkara hendaklah mengikut Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berdasarkan Akta Perhimpunan Aman (APA) 2012 yang membenarkan rakyat berhimpun secara aman. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara ini perlu diseimbangkan dengan kewajipan Kerajaan untuk memelihara keselamatan dan ketenteraman awam. Penyalahgunaan kebebasan bersuara dan berhimpun seperti mengadakan perhimpunan haram sehingga menimbulkan kegelisahan dan ketegangan dalam masyarakat hanyalah merugikan negara dan merupakan satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab.**

**Pihak polis telahpun menjalankan siasatan ke atas laporan polis yang dibuat oleh Ketua Polis Daerah Dang Wangi berkaitan Dang Wangi Rpt 9848/2014 mengenai bantahan GST secara besar-besaran baru-baru ini. Hasil daripada siasatan tersebut mendapati bahawa pihak penganjur telah mematuhi syarat-syarat yang dipersetujui bersama semasa rundingan antara pihak polis dan pihak penganjur.**

**Walaupun bagaimanapun, pihak PDRM masih menjalankan siasatan terhadap dua (2) lagi Laporan Polis yang telah dibuat iaitu berkaitan dengan kes kesalahan membawa kanak-kanak ke suatu perhimpunan di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad Jalan Raja Kuala Lumpur (Rpt : 16149/14) dan kes jurugambar kena pukul oleh sekumpulan penyokong semasa**

**membuat liputan di Dataran Merdeka Jalan Raja Kuala Lumpur (Rpt : 15546/14).**

**Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat pindaan terhadap APA 2012 kerana undang-undang ini baharu sahaja diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini. Sehubungan itu, biarlah ianya terus dikuatkuasakan sebagaimana ianya sekarang kerana Kerajaan percaya Akta ini di samping Akta-Akta yang lain sudah memadai bagi menangani permasalahan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Setiu.**

**Sungguhpun demikian, Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus membuat kajian terhadap semua undang-undang sedia ada bagi memastikan agar ianya sentiasa berkesan dan relevan dengan keadaan semasa.**